

# **PERADABAN DAN TEOLOGI BARAT MENURUT PENDETA ZA'BA**

Muhamad Hanapi Jamaludin  
*Majlis Belia Malaysia*

## **Abstrak**

Kajian mengenai Pendeta Za'ba tidak jarang ditemui dalam wacana ilmiah tetapi tumpuan para sarjana mengenai beliau lebih diarah kepada sumbangan dalam bidang bahasa, ekonomi, politik, persuratan dan kesusasteraan. Sarjana melihat Za'ba sebagai seorang yang faham selok belok agama Kristian dan Islam. Justeru, makalah ini membincangkan pandangan beliau dalam soal teologi dan falsafah masyarakat barat berbanding dengan Islam. Tumpuan makalah ini ialah meninjau pandangan beliau tentang sikap masyarakat barat terhadap agama dan kehidupannya. Sikap yang terdiri daripada keyakinan mereka terhadap Tuhan, pergantungan dan penyerahan diri terhadap kuasa luar tabii dan keyakinan terhadap hari kemudian (akhirat). Turut disentuh ialah falsafah yang mendasar kemajuan di barat terutama dalam aspek pendidikan dan pembangunan. Za'ba meraikan barat pada perkara yang membawa kepada pembangunan jasmani, tetapi mewaspada dan mengkritik sikap mereka terhadap persoalan prinsip kehidupan. Beliau menganggap jenama rohaniah masyarakat barat penuh dengan kerosakan dan perlu ditangani melalui jalan memperkasakan ilmu-ilmu Islam sebagai tapak dan mendalami ilmu-ilmu moden lainnya dalam usaha mempercayai kemajuan yang lebih bermakna.

Kata Kunci: Teologi, falsafah, barat, pandangan alam

## ***Abstract***

*Studies about Pendeta Za'ba are frequently found in intellectual discourses, but the focus of the scholars are more directed towards his contributions in the field of language, economy, politics, writing,*

---

\* Penulis untuk dihubungi:  
hanapidarwis@gmail.com

*and literature. The scholars view Za'ba as a person who understood the ins and outs of Christian and Islam. Hence, this paper discusses his views on theology and philosophy of western society compared to Islam. The focus of this paper is to examine his views on the attitude of western society towards religion and their life. These attitudes consist of their belief in God, dependence and submission to the divine power and belief in the hereafter. Also reviewed is the philosophy that laid the foundation for advancement in the west especially in the areas of education and development. Za'ba celebrated the views of the west on matters that led to physical development but was cautious and critical of their attitude towards the question of the principle of life. He considered the Western society's brand of spirituality to be full of destruction and needed to be addressed by way of empowering Islamic knowledge as the foundation and exploring in depth other modern sciences in efforts to believe in more meaningful progress and advancement.*

**Keywords:** *Theology, philosophy, western, worldview.*

## **Pengenalan**

Beberapa pengkaji pernah seperti yang disebutkan di bawah mengaitkan Za'ba dengan barat (terutamanya Inggeris) dengan seberapa label. Haron (1995) mitalnya menunjukkan suatu sisi pandangan yang berbeza berbanding para sarjana lainnya. Beliau masih meraikan Za'ba sebagai pemikir yang berjasa, tetapi dalam soal sikap Za'ba terhadap barat, beliau menyatakan akan kecenderungan tokoh berkenaan sebagai pengagum barat. Memang diakui, Za'ba pernah membuat tanggapan bahawa Inggeris sebagai 'tentera Allah' yang membawa bangsa Melayu di Malaya keluar daripada kehidupan yang jumud, tepu kepada kehidupan yang lebih progresif. Namun, di pihak Inggeris sendiri sekatan demi sekatan dikenakan terhadap Za'ba khusus untuk menghalang beliau daripada bergiat. Tidakkah Za'ba dilihat merupakan ancaman terhadap Briton dan sememangnya, tulisan-tulisan beliau mengarah memperbaiki akhlak dan sikap bangsa Melayu di Malaya terlebih dahulu sebelum perlahan-lahan menuntut kemerdekaan daripada Inggeris. Beliau tidak berkompromi dengan Inggeris untuk

membebasikan bangsanya daripada penjajahan sehingga kesedaran pendidikan mengambil alih peranan kekerasan dan diplomasi menjadi jalan.

Za'ba menerima pendidikan Inggeris semasa menuntut di St. Paul's Institution, Seremban selama enam tahun 1910-1915, sehingga memperoleh sijil Senior Cambridge. Kemudiannya beliau berpeluang bertugas di SOAS, London 1947-1950 sehingga membuahkan pengalaman pemerhatian (cerapan) yang bermakna. Beliau menerima pendedahan dan mencermati beberapa fenomena termasuklah gejala agama dan nilai hidup masyarakat di kota berkenaan yang julung mendukung nilai pembaratan (westernisasi). Pengamatan Za'ba ini dijelaskan oleh Hasan Ahmad dalam Za'ba (1989a: vii)

“Apabila orang barat menolak agama, dengan sangkaan bahawa agama adalah suatu kepercayaan karut dan menentang kaedah dan penemuan sains, maka ramailah orang Islam yang mengikut pendapat tersebut secara melulu. Begitu juga halnya apabila orang barat memperkenalkan fahaman sekular, ramai orang Islam yang terikut-ikut dengan fahaman tersebut tanpa mengkaji buruk baiknya. Za'ba, amat peka dan menyedari bahawa masa depan bangsa Melayu akan musnah jika orang Melayu terus mengikut aliran barat yang tidak menentu arahnya. Za'ba, tanpa menolak kebaikan yang didatangkan dari barat, telah mengkritik fikiran barat yang merugikan”.

Beliau menambah, Za'ba adalah antara orang Melayu terawal yang cuba mempertahankan bahawa agama Islam itu amat penting bagi manusia. Tidak semua benda di dunia ini yang mampu dan dapat diukur melalui akal dan pancaindera manusia yang menjadi asas sekularisme Za'ba (1989a:vii). Perkara yang tinggi-tinggi dan tidak dapat dijejaki akal manusia biasa akan hanya dapat dikesan oleh manusia pilihan dan bertaraf tinggi yang dikenali sebagai nabi dan rasul, yang membentuk dan menyebarkan ajaran kepada manusia biasa. Za'ba secara tersurat juga tersirat bahawa kebahagiaan, ketinggian dan kecemerlangan manusia perlu digarap

melalui agama. Agama dapat membentuk, mendidik dan membesarkan manusia sesuai dengan kehidupan-kehidupan lain di dunia, bagi menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan mereka.

Pandangan Hasan Ahmad ini berasas kerana pada zaman Za'ba bergiat, sekularisme belum benar-benar dirasai oleh masyarakat Melayu Malaysia dan Malayonesia amnya. Jika sekularisme 'dirasmikan' pada 1874 melalui Perjanjian Pangkor, kesannya hanya jelas bergema dalam tulisan para sarjana tempatan pada tahun 1970-an sahaja, hasil penelitian Syed Muhammad Naquib al-Attas (al-Attas, 1978) kemudiannya dan sarjana yang bergiat di ISTAC (UIAM). Namun, lewat separuh abad sebelum al-Attas menawarkan jalan keluar akibat ancaman sekularisme, Za'ba telah mendahuluinya secara permulaannya (sederhana). Beliau melihat ancaman yang dibawa oleh kebendaanisme (materialisme) dan utilitisme (utilitarianisme) yang mendedahkan kepada kekacauan terhadap tujuan asasi insan, sehingga membawa mereka kepada gejala kehilangan arah kehidupan. Kemasukan nilai-nilai ini menurut beliau adalah kesan daripada pertembungan Islam dengan kebudayaan barat yang dasarnya dicorakkan oleh teologinya.

Penulis menggunakan istilah teologi sebagai gambaran kepada perkara-perkara yang bersabit dengan ajaran agama dan ketuhanan di barat. Kata teologi ini berkembang di barat dalam lapangan falsafah dan gerejawan. Justeru, dalam membicarakan mengenai tajuk keagamaan barat ini penulis menggunakan istilah ini bagi mewakili perbincangan tentang hal-hal berkaitan aspek keagamaan mereka yang berteraskan ajaran Kristian dan falsafah sekular.

Kata kerja "teologi" berasal daripada akar kata *theos* dan *logia* daripada bahasa Yunani yang bermaksud catatan tentang Tuhan atau dengan bahasa yang mudah dapat difahami sebagai perhubungan dengan Tuhan dan aspek keagamaan. Istilah ini berkembang secara bertahap dalam tulisan-tulisan sejarawan awal. Bermula daripada makna yang dinisbahkan kepada perbincangan tentang Allah sebagai Tuhan seluruh umat manusia, kata teologi ini berkembang sehinggalah menjadi istilah eksklusif dan mengandungi makna-makna tertentu sahaja dalam perbendaharaan agama barat. Agama

Barat di sini merujuk kepada unsur-unsur agama tradisi Krisitan mereka dan percampuran dengan tradisi falsafah Yunani tua selain rumusan dengan nilai-nilai Romawi. Untuk huraian lanjut lihat al-Attas (2001).

Menurut Za'ba (1917), barat digambarkannya dalam siri soalnya yang berikut:

Mengapa barat maju dan jaya?  
Bukankah kita sama manusia?  
Tidakkah kita berdaya upaya?  
Atau tidakkah hemah kita?

Daripada soalan kepuisian ini, Za'ba menyatakan dengan jelas bahawa, barat yang dimaksudkan ialah merujuk kepada masyarakat yang telah “maju” dan “moden”. Bermakna, masyarakat barat ialah kaum yang telah memiliki pencapaian pendidikan, sains, teknologi, ekonomi, ketenteraan dan pemerintahan yang disifatkan sebagai “maju”. Daripada rangkap ini juga dapat ditakrifkan, Za'ba (1917) meletakkan bangsa yang “maju” itu ialah negeri-negeri Eropah yang pada masa beliau menulis puisi tersebut, masyarakat barat sedang asyik mengulit pembangunan jasmani dan kelengkapan moden yang belum terdapat dalam mana-mana bahagian di dunia. Walaupun pada masa tersebut, telah muncul negara Jepun yang mula mengorak langkah sebagai negara yang maju, namun beliau tidak meletakkan atau menggolongkannya sebagai masyarakat barat kerana, slogan yang dibawa oleh negara Jepun, ialah “Asia” dalam ungkapan masyhur, “Asia untuk Asia”. Secara tegasnya, slogan ini memberi tafsiran bahawa, Jepun menggolongkan kedudukannya sebagai bangsa Asia. Setidak-tidaknya, bagi seorang sarjana ulung seperti Za'ba, pasti mengetahui akan kedudukan Jepun dalam lingkungan Asia, bukan Eropah.

Toynbee (1953) memberi justifikasi hubungan antara dunia dengan barat. Terdahulu beliau menerangkan mengenai tajuk mengapa dunia dengan barat, bukan barat dengan dunia. Menurutnya, bangsa barat telah memberikan pengalaman “kemajuan” kepada hampir semua belahan dunia (Rusia, Islam, Hindu, Tionghua, Jepun) melalui kegiatan penjajahan yang

dijalankan. Mereka membawa peralatan, kelengkapan, pengetahuan canggih dan moden, lalu ditiru oleh negara yang dijajahnya. Kemajuan, menurut mereka ialah memiliki kelengkapan jasmani. Inilah yang menguatkan pandangan Za'ba tentang perihal barat yang diidentifikasi beliau sebagai bangsa yang “maju” dan “jaya”. Namun, perihal “maju” oleh barat ini adalah bersyarat dan tidak menyeluruh. Kemajuan yang disifatkan Za'ba adalah dalam soal jasmani, sedangkan dalam aspek kemajuan rohani mereka sangat mundur, sehingga mentuhankan akal dan perbuatan mereka sendiri. Za'ba (1989b:35)

Beliau turut memberikan bayangan tentang barat dengan penggunaan kata-kata ‘bangsa-bangsa besar’, ‘bangsa-bangsa maju’ untuk merujuk kepada tamadun sains dan pemodenan barat yang pada masa tersebut telah muncul sebagai bangsa yang kuat dan berpengaruh di serata dunia. Bangsa-bangsa besar ini ialah masyarakat ‘bertamadun’ sains dan teknologi yang ruang lingkungannya terletak di persekitaran Eropah memandangkan sikap yang diambil terhadap pegawai-pegawai Eropah (Briton) yang berkhidmat di negara ini. Za'ba menganggap mereka sebagai “bangsa besar” yang telah maju daripada sudut jasmani. Za'ba turut meletakkan penghargaan terhadap masyarakat ‘maju’ ini kerana telah membawa pendidikan moden kepada masyarakat Malaya (Tanah Melayu) yang mengejutkan mereka daripada lamunan kemunduran. Tidak syak lagi, kuasa asing yang ada di Tanah Melayu pada masa tersebut ialah kaum Inggeris, yang merupakan sebahagian daripada masyarakat barat yang sememangnya telah maju melalui pengenalannya terhadap pemerintahan dan sistem moden. Makalah ini bertujuan memaparkan pandangan Za'ba tentang sikap barat yang tidak mementingkan agama (Kristian), dan ini dianggap pendedahan yang lebih komprehensif berbanding dengan sebelum ini seperti dijelaskan di bawah ini.

‘Barat’ sebelum abad ke-18 M belum dikelompokkan sebagai kesatuan budaya dan sosial, apatah lagi kesatuan falsafah dan psikologi. Mungkin juga perkara ‘kesatuan’ ini telah wujud, namun belum timbul wacana yang luas mengenainya. Hanya pada abad ke-19 M istilah ‘barat’ pertama kalinya digunakan oleh pihak Rusia

untuk merujuk kepada barat daya Eropah (Rahimah, 1997, pp.8); manakala, pada abad ke-20 istilah ini merangkumi Amerika Utara (Rahimah, 1997, pp.8). Pelbagai dimensi dilihat mengenai takrif ini, pertamanya mengenai sifat kepercayaan yang berasaskan ajaran Kristian, pengalaman zaman pencerahan, mewarisi nilai Yunani dan Rom-Yunani, kini dirujuk sebagai Anglo-Amerika, juga memaparkan maksud yang sama.

Justeru, sarjana Malayonesia Islam, pada zaman klasiknya, daripada kekayaan Aceh, Fatani, Riau, Minangkabau lewat abad ke-18 M., perbincangan mengenai barat masih belum terbuka dibahaskan, tambahan lagi pengetahuan moden tentang selok belok disiplin ilmu baharu seperti falsafah, psikologi, media dan sains pada segala cabang masih lagi belum terbuka luas dan dibahaskan oleh para ilmuwannya. Hanya pada hikayat-hikayat seperti *Kisah Pelayaran Abdullah Munsyi* (1838), beberapa petikan mengenai barat dirakamkan, sekadar sebutan sepintas lalu, bukanlah menjadi subjek atau tema perbahasan panjang, apalagi yang melibatkan perbincangan dalam mengenai teologi dan falsafahnya. Pengenalan tentang barat dapat ditemui dalam beberapa istilah dalam karya Melayu klasik. Antaranya ‘negeri atas angin’, ‘orang putih’, ‘Feringgi’ dan sebagainya lagi (Ab. Karim Ab. Razak, 1995), (*Sejarah Melayu*, 1993, pp.73)<sup>1</sup>. Namun, tidaklah dijelaskan mengenai apakah yang dianuti dalam fikiran dan pembawaan rasional mereka, sehinggalah Za’ba pada awal abad ke-20, memulakan usaha yang awal bagi menerangkan secara permulaannya (sederhana) mengenai aspek ini, khusus untuk khalayak di Malaya.

## Pendekatan Kajian

---

<sup>1</sup> Rujuk antaranya Kitab *Sejarah Melayu*, Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta, 1993, hlm. 73. Juga surat Sultan Abu Hayat dari Kesultanan Ternate kepada Syah Alam Raja Portugal, 1521-1522M. Surat ini antara rekod surat rasmi dalam Bahasa Melayu Klasik tertua)

Za'ba tidak menulis secara langsung pada bahagian yang khusus mengenai falsafah atau teologi barat. Justeru itu, pengkaji menggunakan pendekatan dekonstruktif seperti huraian beliau mengenai agama serta kepentingannya dan sindiran beliau terhadap masyarakat yang tidak memberatkan agama. Selain itu, pengkaji turut mengutip dan memaparkan langsung beberapa petikan beliau yang secara jelas menyentuh mengenai barat atau bangsa-bangsa besar. Istilah bangsa-bangsa besar tidak syak lagi menuju maksud bangsa barat kerana pada zaman tersebut hingga kini mereka sering dianggap hebat di samping merasa hebat, dan perletakan konsep ini dalam kamus mental orang Melayu memang telah jelas. Selain daripada bangsa-bangsa besar, umat-umat besar, orang Melayu dahulu turut menamakan barat sebagai “negeri di atas angin”, atau secara langsung menyebut “Feringgi” yang memaksudkan Portugis, dan “Mat Saleh” hingga sekarang.

### **Pandangan Za'ba: Sikap Barat Terhadap Agamanya**

Za'ba secara eksplisit menerangkan teologi Barat dengan melihat kepada contoh yang berlaku dalam kehidupan mereka. Beliau menggandingkan dengan ajaran Islam sebagai panduannya dalam membahaskan hal demikian. Za'ba menyifatkan orang barat ini saban waktu mereka hanya memikirkan mahkota kemegahan dunia dengan kemewahan dan kekayaan yang meliputi mereka tanpa mematuhi peraturan agama yang ditetapkan oleh Tuhan. Agama yang sepatutnya diterima sebagai peraturan mutlak yang tidak memihak kepada hawa nafsu ditanggapi secara bertentangan oleh mereka. Kehidupan yang menjauh daripada asas yang difahami dalam pengertian asasi mengenai agama-agama di dunia. Za'ba menegaskan tidaklah ramai di kalangan manusia yang memahami bahawa agama itu sebagai suatu peraturan hidup bagi memimpin manusia dalam kehidupan di dunia ini terhadap kelakuan dan perbuatan baik dan jahat, salah dan betul. Menurut beliau, tujuan agama yang terpenting sekali ialah, memimpin tingkah laku (akhlak) manusia kepada jalan yang betul masa hidup di dunia, sama ada pada dirinya sendiri ataupun dalam perhubungannya dengan orang lain (Za'ba, 1989a, pp.2)



Za'ba melihat orang Barat menjalani kehidupan mereka bukanlah dengan mematuhi asas agama yang meletakkan perhubungan dengan tuhan sebagai keutamaan, kerana tidak terdapat dalam jiwa kehidupan mereka, keluangan masa bagi memikirkan tuhan mereka dan memanjatkan pengharapan kepadanya. Sikap ini terdapat dalam jiwa barat yang diasuh dengan semangat sekular yang menghilangkan sifat kekudusan pada alam dan kejadian, yang menafikan segala usaha dan kejayaan mereka sebagai anugerah dan rezeki daripada tuhan. Mereka sibuk mencanang usaha mereka sebagai satu-satunya jalan yang boleh membawa mereka kepada kejayaan tanpa memikirkan mengenai kuasa ghaib yang lebih berkuasa. Oleh yang demikian, setiap waktu dalam kehidupan mereka adalah diperuntukkan untuk memikirkan bagaimana untuk mencapai kejayaan duniawi sahaja. Hal ini disebutkan oleh Za'ba sebagaimana berikut:

“Sekarang bagaimana yang kita lihat dan dengar dan ketahui daripada perkhabaran hari-hari, umat besar-besar kita yang ada di dunia pada hari ini tidaklah ada apa lain yang diingat dan diucap mereka siang dan malam dalam suratkhobar-suratkhobar, dalam radio, dalam majlis-majlis mesyuarat dan lainnya melainkan perkara-perkara kebesaran, kekuasaan, kekuatan perang, kekayaan (ekonomi), keuntungan, kerugian, kemegahan, kemasyhuran, kesenangan, jalan-jalan kesedapan dan mendapat kesukaan; dan mereka bekerja siang dan malam kerana hendak mendapat dan mengekalkan perkara-perkara itu bagi dirinya dan bagi bangsanya masing-masing dalam dunia ini” (Za'ba, 1989a, pp.2)

## **Pandangan Za'ba Terhadap Pembebasan Akal dan Bahasa Daripada Kawalan Metafizik**

Kemerdekaan adalah ungkapan yang menakutkan pengikut gereja pada zaman pembaharuan. Agamawan gereja tidak bertanggung gerakan massa yang menuntut peliberalan (liberalisasi) besar-besar terhadap konsep-konsep asas agama Kristian dan membebaskan

masyarakat daripada peraturannya. Paling jelas, masyarakat menuntut untuk memiliki kehidupan bebas tanpa campur tangan agama yang didukung oleh gereja dan paus. Segala unsur yang bersabit dengan agama daripada bahasa dan akal dibentuk supaya dibebaskan atau 'dimerdekakan'. Gejala ini disebut oleh Van Peursen seorang teolog Belanda, seperti yang dipetik dalam al-Attas (1992) sebagai pembebasan manusia pertama-tamanya daripada agama dan kemudiannya daripada kawalan metafizik ke atas akal budi dan bahasanya. Cox (1960) ketika menghurai mengenai gejala ini menerangkan:

“Ia adalah penyingkiran pengertian agama atau separa agama daripada kehidupan duniawi, penyahan semua pandangan alam yang tertutup, penolakan semua mitos kuasa ghaib dan perlambangan-perlambangan yang suci. Ia merupakan defatalisasi sejarah, kesedaran bahawa dunia telah diserahkan kepadanya bahawa dia tidak boleh mengaitkan takdir atas apa yang dilakukan dalam dunia (Cox, 1960, pp.1)

Kutipan ini menjadi perbincangan dalam karya al-Attas (1992) yang mudah terkenang. Pengkaji turut menyorot perbincangan mengenai isu ini dalam makalah Wan Azhar (2001).

Faham kebendanisme (materialism), doktrin kapitalis juga telah menguasai dasar agama Kristian. Pengembangan faham ini menjadikan barat menolak agama mereka sehingga berada pada kedudukan yang langsung tiada nilai keagamaannya. Dijelaskan oleh Za'ba, bahawa iktiqad agama masyarakat barat seperti di atas tidak boleh lagi dikatakan sebagai beragama, bahkan lebih terukdaripada itu, fenomena ateis telah dikesan oleh beliau. Mereka bukan sekadar menolak akan wujudnya tuhan dan menisbahkan kudrat hanya kudrat manusia sebagai unsur yang mengawal tindak tanduk dan peri laku manusia, bahkan turut menganggap bahawa merekalah yang berkuasa mencipta kejayaan sendiri. Seperti dalam petikan ini:

“Segala orang besar-besar dan orang-orang masyhur mereka yang telah berjasa kepada bangsa mereka walaupun

telah membawa rosak dan kecewa kepada bangsa lain, dibuatkan gambar batu supaya kekal diingat orang konon, padahal hamba Allah itu tetap mati juga! Maka sekali sekala dibawakan kalung bunga ke kuburnya “tanda ingat” dan kadang-kadang dipuja pula seperti berhala! Adapun kepada Allah Ta’ala sekali sehari pun tetap perintah ingat; jarang-jarang benar menyebut Tuhan, dan tidak pernah membangsakan apa-apa perbuatan mereka kepada kudrat Allah, atau membangsakan apa-apa nikmat dan kejayaan yang mereka peroleh kepada limpah kurniaan Allah. Melainkan semuanya mereka letakkan kepada kudrat dan kuasa mereka sendiri sahaja; merekalah yang membuat, merekalah yang berkuasa, merekalah mendapat dan Allah Ta’ala tidak pernah termasuk dalam kiraannya itu!” (Za’ba, 1989b, pp.41)

Bangsa-bangsa maju di barat ini menurut Za’ba sering kali meletakkan pencapaian keduniaan semata-mata sebagai ukuran kejayaan mereka. Mereka bekerja berhempas pulas siang dan malam untuk mendapatkan kemasyhuran dan nama yang disanjung untuk diri mereka dan bangsa mereka. Segala jalan memperoleh kesenangan dunia tidak mereka pedulikan walaupun dengan mendatangkan kerosakan, kekecewaan kepada bangsa-bangsa lain yang lemah dan jauh ketinggalan daripada mereka. Mereka tidak memikirkan tempat kembali mereka selepas kehidupan di dunia ini, mereka tidak menisbahkan kejayaan mereka sebagai limpah kurniaan Allah, tidak pernah pula menyebut Tuhan mereka yang menganugerahkan nikmat dan kejayaan mereka hari ini. Perspektif falsafah sekular menyebutkan, gejala ini akibat berlakunya pemisahan alam dan kehidupan manusia daripada unsur-unsur kudus sehingga manusia berhak mengeskplotasi alam dengan akal rasional semata-mata dan memerah segala hasilnya mengikut selera mereka.

## **Sindiran dan Kritikan Za’ba**

Za’ba mengungkapkan sindirannya kepada bangsa-bangsa barat yang telah mengecap kejayaan jasmani di pihak dunia sahaja sebagai berat sebelah. Kepercayaan mereka yang melihat kejayaan mereka sebagai hasil kudrat dan usaha mereka sangat berbeza

malahan bertentangan dengan ajaran Islam yang murni. Tambahan lagi, Za'ba dengan lantang mengatakan mereka ini tidak hirau akan Tuhan bahkan kalau boleh merekalah seolah-olahnya hendak menjadi Tuhan (Za'ba 1989b, pp.42). Mereka ini tidak bersyukur kepada nikmat Tuhan. Za'ba menjelaskan keadaan yang demikian itu membawa kepada balasan yang setimpal dengan tindakan mereka yang tidak bersyukur malahan cenderung kepada perjalanan pemerintahan yang tidak adil. Beliau menyatakan “maka sebab itulah dari satu masa ke satu masa, mereka itu berulang-ulang dilaga-lagakan oleh Tuhan sama sendirinya hingga remuk redam dan pecah berdarah, bengkok bengkil dan patah riuk, punah ranah dan rosak binasa. Dan akan berkekalan dilaga-lagakan demikian itu selagi mereka tidak mengubah akan hal mereka dan cara pandangan hidup mereka itu (Za'ba 1989b, pp.42-43).

Dalam pada itu, Za'ba turut menganggap orang-orang barat dalam pencarian kejayaan mereka di dunia, meletakkan kejayaan yang diperolehi oleh mereka sebagai hasil daya usaha mereka sendiri sahaja. Pegangan ini mengalir dalam denyut nadi barat yang menolak keyakinan terhadap kuasa ghaib yang berada di luar alam maya ini. Dengan pegangan yang sedemikian, maka tidak hairanlah yang mendominasi masyarakat Barat itu adalah di kalangan mereka yang berjiwa sekular samada secara disedari dengan tidak disedari, yang lahir dengan ikrar atau keraguan, yang menetap dalam batin atau dengan laku perbuatan. Za'ba mengkritik pegangan berkenaan dengan berkata:

“Sementara itu hendaklah diingat bahawa sebarang apa usaha dan amal kita hendak mencapai ketinggian baik dunia atau akhirat tidaklah boleh bergantung kepada kebolehan dan kudrat kuasa kita sendiri sahaja, melainkan hendaklah sentiasa disertakan berharap dan bergantung dengan yakin dan bulat hati kepada inayah dan taufik Tuhan juga bersama-sama. Jika kita hanya percaya kepada kebolehan diri kita sahaja dan amal usaha kita sendiri sahaja dengan tidak bergantung kepada pertolongan Tuhan dan tidak memohon taufik Tuhan (seperti yang dibuat oleh orang-orang Eropah pada segala pekerjaan mereka – tidak pernah menyebut “insya-Allah” atau “mudah-mudahan dikabulkan Allah” dan

sebagainya) maka iaitu ertinya menidakkan kuasa Tuhan; maka itulah jalan “qadariyah” namanya dalam pengkajian akidah Islam” (Za’ba 1989b, pp.21-22)

Za’ba sentiasa melihat kepincangan teologi barat ini dengan membandingkannya dengan ajaran Islam sebagai pokok keyakinan dan setiap perkara akan dinisbahkan kepada kudrat Tuhan untuk menunaikannya atau menagguhkannya mengikut kehendakNya. Namun, Za’ba tetap menekankan akan kepentingan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu perkara bersesuaian dengan anjuran Islam. Mengenai ucapan “Insyallah” yang menjadi cermin kepada penyerahan segala urusan kepada kudrat Allah, Za’ba membandingkan secara sinis dengan teologi barat yang tidak pernah meletakkan urusan mereka pada jalan ketuhanan. Mereka sentiasa yakin dengan kudrat diri sendiri untuk mengatur segala urusan yang belum berlaku, urusan hari esok dan akan datang bagi mereka hanya mereka yang boleh mengaturnya. Jika sekalipun berlaku perkara-perkara yang di luar kemampuan mereka (seperti bencana alam), mereka tetap enggan merenung makna yang dibawa perkara tersebut yang tentu yang akan menyerlah kelemahan mereka. Malahan jawapan mereka terhadap aral melintang yang berlaku masih kuat pada mengatakan ‘ini adalah kuasa *natural* yang menjadi rutin perjalanan objek-objek seperti bumi dan cakerawala lainnya’. Mereka masih mempertahankan akan kekeliruan mereka yang jelas di luar kemampuan akal mereka. Justeru, mereka sentiasa dengan keyakinan bahawa segala yang dirancang tidak perlu kepada melorongkan penyerahan kepada Tuhan.

Kepentingan agama sebagai panduan hanya akan berguna jika penganutnya tahu akan perkara-perkara besar dalam ajarannya itu. Jika mereka tiada berpengetahuan dalam ajaran-ajaran agamanya itu, maka itulah kekurangan yang akan menjadikan mereka seperti perahu yang tiada perkakas pedoman dan tiada mempunyai kemudi di tengah lautan. Za’ba menegaskan:

“Untuk satu contoh lagi, cubalah pula kita layangkan pandang kepada kumpulan-kumpulan kaum yang tiada memberatkan agama atau yang tiada percaya langsung akan agama di negeri-negeri Barat. Perhatikan betapa dan

bagaimana keadaan mereka? Mereka, sebagaimana orang-orang lain juga di dalam dunia, memang banyak yang tiada berat kepada agama dan mengambil hirau, akan pengajaran-pengajaran agama dan setengah mereka tiada percaya pun akan ada faedah dan gunanya agama itu. Bahkan banyak daripada ahli-ahli ilmu di antara mereka yang “oleh sebab sudah terlampau pandainya” hingga tiada percaya lagi akan sebarang agama jua, dan tiada percaya pun akan adanya Allah! Maka dalam setengah-setengah negeri di sebelah sana hingga dilarang oleh pemerintahannya jangan diajarkan di sekolah-sekolah akan sebarang apa pelajaran yang ada berbau agama; dan dalam sesetengah negeri yang lain pula dipadankan dengan berpegang bahawa tiap-tiap seorang ada mempunyai akal fikiran sendiri dan masing-masing bolehlah beragamakan fikirannya itu sendiri sahaja” (Za’ba 1989a, pp.35)

Beliau membuat perbandingan antara negeri-negeri barat yang “maju” tersebut dengan keadaan dalam masyarakat timur yang masih “mundur”. Masyarakat yang kononnya “maju” daripada segi cendekiawan (intelektual), moral, emosi dan sebagainya, tetapi mengetepikan agama hakikatnya mengalami kemudaratan moral yang sangat ketara. Za’ba menyatakan

di antara kejadian-kejadian keji yang telah berhasil daripada keadaan demikian itu tidaklah kurang adanya jenis-jenis kejahatan yang terdapat di negeri-negeri Timur yang belum tamadun dan di antara bangsa-bangsa bodoh yang belum pandai di dalam dunia. Bahkan di negeri-negeri barat itu didapati berlipat ganda lagi banyaknya dan jenisnya kejahatan keji-keji yang terjadi tiap-tiap hari. Tentang hal kelahiran anak haram pula, umpamanya adalah beribu-ribu tiap-tiap tahun disiarkan beritanya dalam surat khabar dengan tiada silu dan malu lagi kepada mereka itu kerana sudah jadi adat biasa sahaja!”. (Za’ba 1989a, pp.35)

Kemajuan yang difahami Za’ba tidaklah sepatutnya membawa mudarat kepada kemoralan manusia seperti yang

dibayangkannya di atas tentang gejala keruntuhan akhlak yang bukan sahaja berlaku kepada bangsa-bangsa lemah, yang masih kurang pelajaran, rendah daya akal (intelekt) tetapi turut subur di negara-negara “maju” di barat yang menurutnya telah menjadi sebagai adat kebiasaan sahaja. Padahal menurut Za’ba bangsa-bangsa “maju” ini yang mula memacu tamadun sains dan teknologi telah jauh lebih berilmu daripada bangsa-bangsa yang bukan sebahagian daripada mereka. Namun, kemajuan yang mereka cita-citakan sebagai ramuan kejayaan dan menjadi ikutan hanya terjadi pada pandangan zahir sahaja; taufik Tuhan tidak bersama mereka kerana ketidakpedulian mereka kepada Tuhan mereka, yang menjadikan mereka terkapai-kaipi dalam lautan kemajuan yang memerlukan lebih banyak peraturan di buat bagi mengawal manusia daripada semakin rancu dengan krisis moral. Kegusaran Za’ba ini dipaparkan oleh beliau melalui laporan-laporan yang dikutipnya seperti yang tercatat di atas tentang gejala sosial seperti pembuangan bayi yang saban tahun disiarkan. (Za’ba 1989b, pp.36)

## **Za’ba Tentang Kedudukan Kristian**

Secara khusus, Za’ba ada menyatakan perihal pegangan orang-orang yang beragama Kristian yang merupakan agama yang menjadi jantung peradaban Barat, yang menguasai hampir seluruh daerah Eropah dan dunia amnya. Kepercayaan agama Kristian mengenai penebusan dosa dengan bersandarkan kepada seorang manusia dan akidah-akidah ajaran mereka yang sangsi diulas oleh Za’ba sebagai kepercayaan yang menyimpang. Za’ba menegaskan mengenai betapa perlunya seseorang itu tidak bergantung kepada orang lain untuk urusan dunia dan urusan hari kemudian dan mengharap belas ihsan semata-mata tanpa perlu berusaha dengan daya upaya sendiri. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada kepercayaan agama Kristian itu sendiri dengan katanya:

“Fikiran mengharapkan kelepasan dan keselamatan akhirat dengan menerusi penebusan dan pertolongan dari orang lain sahaja ini ialah fikiran yang terutama dipercayakan oleh orang-orang Kristian sebagai ajaran agama mereka. Mereka beriktikad bahawa Nabi Isa yang dikata mereka “anak Allah” itu telah dilahirkan ke dunia mengambil sifat

manusia dan kemudian dibunuh oleh musuhnya di atas kayu salib ialah kerana menebus dosa segala orang yang beriman akan dia! Beginilah pegangan Kristian yang diajarkan oleh ahli-ahli gereja daripada segala mazhab. Sungguhpun dalam kehidupan hari-hari orang Kristian tidak mengikut akan ajaran itu. Mereka bekerja, berusaha dan beramal dengan sekuat-kuatnya bagi kejayaan mereka di dunia, dan hanya untuk mendapat kelepasan di akhirat sahaja mereka berpegang kepada iktikad “penebusan” itu.” (Za’ba 1989b, pp.122)

Berdasarkan iktikad yang diamalkan oleh penganut Kristian ini, Za’ba menyatakan sikap ini perlu dijauhi oleh umat Islam dengan berusaha sendiri mencapai apa yang dihajati tanpa perlu mengharap orang lain. Berbeza dengan penganut agama Kristian yang menjadi jantung peradaban Barat ini, mereka bersungguh-sungguh untuk mendapat kesenangan dunia, berusaha dengan sedaya upaya mereka, namun menyerahkan nasib mereka di hari kemudian kepada orang lain yang dianggapnya dapat menyucikan kesalahan mereka dalam urusan mereka di dunia. Justeru, Za’ba menambah, dalam bahagian penutup rencana ini dengan mengatakan, agama Islam mewajibkan tiap-tiap penganutnya supaya beramal, bekerja, berusaha dan berjuang (berjihad) dengan dengan segala kebolehan dan tenaganya sendiri jika hendak mendapat kejayaan yang baik di dunia atau di akhirat. Maka yang demikian ialah ertinya bergantung kepada diri sendiri dan tidak berharap kepada pertolongan orang. (Za’ba 1989b, pp.122-123).

## **Kesimpulan**

Membaca karangan Pendeta Za’ba yang membicarakan perihal peradaban dan teologi barat membawa fikiran kita menuju kepada beberapa premis penting. Selewat-lewatnya pada zaman pra-moden di Malaysia, sebelum wacana-wacana dan dialog-dialog akademik bersifat hormat-kritis terhadap barat, Pendeta Za’ba telah memberikan komentarnya walaupun secara bebas disiplin. Beliau memulau dengan sederhana, mengkritik asas teologi barat seperti menolak Tuhan yang difahami dalam bahasa akademik era moden sebagai menafikan metafizik, mengingkari kekudusan, menganggap



alam hanya sekadar objek budaya semata-mata. Sumbangan beliau dalam bidang ini walaupun masih banyak lagi perlu di arus perdanakan seharusnya dikreditkan sebagai antara sarjana yang awal membayangkan perbincangan mengenai “barat daripada cerminan watan” yang hari ini lebih terstruktur dan mendalam ufuk perbincangannya seperti kritikan terhadap premis epistemologi barat, ketidakjitian sains barat dalam menyelesaikan gejala-gejala masyarakat bukan barat yang memenuhi perbincangan akademik sarjana-sarjana yang tersohor. Barat dengan muatan teologi dan peradabannya telah mendapat perhatian Za’ba yang dikritisinya beliau secara kaji-banding dengan agama Islam yang dianutinya.

### **Rujukan:**

- Abdullah Hussain K.H. 1974. *Pendita Za’ba Dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ab. Karim Ab. Razak. 1995. *Surat-Surat Sultan Ternate 1521 dan 1522: Satu Analisis Bandingan dari Sudut Bahasa*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa.
- Adnan Hj N. 1994. *Za’ba Patriot dan Pendita Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu
- Adnan Hj N. 2007. *Za’ba dan Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Al-Attas, S.M.N. 1978. *Islam and Secularism*. K. Lumpur: ABIM kemudian diterjemah ke Bahasa Melayu Indonesia 1982 dan 2010.
- Al-Attas, S.M.N. 1992. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al Attas, S.M.N.2001. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC

- Al Attas, S.M.N 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Al Attas, S.M.N 2010. *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Institut Pemikiran dan Pembangunan Insan.
- Cox H. 1960. *The Secular City*. New York: The Macmillan Company
- Haron D. 1995. Pemikiran dan sikap terhadap bangsa Melayu. *Journal of History, Politics and Strategy* (Jebat) 25:107-121. Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan A. 1989. Kata Pengantar Buku Za'ba (1989a:vii) *Kitab Sejarah Melayu*. 1993. Jakarta : Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Rahimah A.A. 1997. *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Russel B. 1993. *Sejarah Falsafah Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toynbee A. Ahmad Boestamam (Pentj). 1953. *The World and the West*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1961
- Wan Azhar W.A. 2001. *Gagasan Sekularisasi Harvey Cox; Pembicaraan Awal Berdasarkan Pengamatan al-Attas*. Majalah Al-Hikmah. Kuala Lumpur: ISTAC, pp.2-9.
- Za'ba. 1917. *Lembaga Melayu*. 29 Jun 1917 (sebuah akhbar)
- Za'ba. 1958. *Asuhan Budi Menurut Islam*. Kuala Lumpur: HM Shah Enterprise.

Za'ba. 1989a. *Mencapai Keluhuran Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Za'ba. 1989b. *Mencapai Ketinggian Dunia Akhirat*. K. Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.